

24/06/2003

Bulan Kemerdekaan 2003 disambut lebih meriah

Shaarani Ismail

KUALA LUMPUR: Bulan Kemerdekaan 2003 akan disambut lebih meriah dengan lima acara utama berlarutan selama sebulan mulai 17 Ogos ini.

Buat pertama kalinya, perarakan Hari Kebangsaan akan diadakan di Putrajaya bagi memberikan penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bersara Oktober depan.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, bagaimanapun berkata sambutan besar-besaran itu hanya akan mencapai kejayaan jika mendapat kerjasama semua pihak.

"Perarakan di Putrajaya juga satu penghargaan kepada Dr Mahathir, iaitu

buat kali pertama diadakan di sana serta terakhir bagi beliau sebagai Perdana Menteri," katanya pada sidang media sempena mesyuarat Jawatankuasa

Kebangsaan Sambutan Bulan Kemerdekaan 2003 di sini, semalam.

Mesyuarat dihadiri wakil kerajaan negeri seluruh Malaysia termasuk dari

Kelantan dan Terengganu.

Abdul Kadir berkata, sambutan itu bertujuan memberikan pemahaman yang lebih kepada generasi muda, terutama mengenal erti sebenar merdeka dan menunjukkan rasa cinta kepada negara.

"Sambutan kali ini akan diadakan secara berperingkat mulai dengan pelancarannya pada 17 Ogos bersama Kempen Mengibarkan Jalur Gemilang di Bandar Hilir Melaka.

"Ia sebagai memperingati tempat Tunku Abdul Rahman Putra mengisytiharkan

Tanah Melayu sebagai sebuah negara yang merdeka," katanya.

Beliau berkata, tahun ini pihaknya membuat kelainan dengan turut mengadakan acara keagamaan sempena merdeka yang akan dikendalikan mengikut

tradisi pelbagai agama negara ini.

Ia bertujuan menyatakan kesyukuran kepada Allah kerana memberikan kesejahteraan, keselamatan dan kemakmuran di samping berdoa supaya Malaysia terus mengecapi nikmat pada tahun yang akan datang.

Bagi masyarakat beragama Islam sambutan upacara akan diadakan pada Jumaat minggu terakhir pada 29 Ogos. Agama lain yang akan turut serta ialah Kristian, Hindu, Buddha, Sikh dan Taois.

Selain itu, Ambang Merdeka akan disambut serentak di seluruh negara pada malam 30 Ogos dengan laungan merdeka tujuh kali.

Acara kemuncak adalah perarakan Hari Kebangsaan yang akan diadakan di Putrajaya dan diakhiri dengan majlis penutup sambutannya pada 16 September.

Beliau berkata, bagi memastikan kelancaran sambutan bulan merdeka, pihaknya akan mengadakan prapelancongan sambutan seminggu sebelum acara sebenar berlangsung bagi memastikan bekalan Jalur Gemilang mencukupi.